

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (51)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2012-2013)
BILANGAN 8 TAHUN 2013**

Tarikh	: 28 Ogos 2013 (Rabu)
Masa	: 10.30 Pagi – 01.22 Petang
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Aznan bin Hassan, Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Video Korporat

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 7 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan April dan Mei tahun 2013.

2.2 Video

Tayangan video berkenaan Nilai Cukai Taksiran daripada Jabatan Perancangan Pembangunan mengambil masa selama 11 minit.



3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

- 3.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang sentiasa berusaha meningkatkan prestasi perkhidmatan untuk memenuhi keperluan penduduk Petaling Jaya. Bagi menggalas tanggungjawab yang semakin mencabar ini, Majlis akan melaksanakan serta membuat pemantauan dan penambahbaikan berterusan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi ekspektasi penduduk meskipun agak sukar bagi Majlis memuaskan hati semua pihak. Usaha penambahbaikan mesti diteruskan dari semasa ke semasa tanpa jemu. Pelaksanaan *standard operating procedure (SOP)*, sistem dan prosedur kerja penting bagi memastikan setiap tugas yang dilaksanakan teratur serta mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada. Namun apa jua sistem yang diwujudkan, mestilah seiring dengan pelaksanaannya iaitu modal insan, pekerja yang bertanggungjawab, amanah dan komited. Beliau percaya kombinasi sistem kerja yang baik dan modal insan cemerlang mampu mendorong hasil kerja yang disenangi masyarakat.

Beliau juga ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kedatangan Ahli Majlis yang baru dilantik iaitu Encik Tang Fui Koh, Puan Raja Fairuz Raja Mazlan, Encik Chiang Chian Fu dan Encik Teh Chi Chang. Harapan beliau agar Ahli Majlis baru dapat bersama-sama memberikan khidmat terbaik kepada warga Petaling Jaya bagi meningkatkan lagi prestasi Majlis dengan kepakaran di bidang masing-masing. Beliau percaya kerjasama, sokongan dan komitmen yang diberikan oleh Ahli-ahli Majlis dapat meletakkan Majlis sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkesan dan cemerlang.

3.2 NILAI CUKAI TAKSIRAN

Intipati daripada persembahan multimedia mengenai ‘Nilai Cukai Taksiran’ yang dipaparkan sebentar tadi rumusan pentingnya adalah, PBT bergantung kepada cukai taksiran sebagai sumber pendapatan yang menyumbang hampir 65% daripada sumber hasil. Pergantungan ini perlu dikurangkan dan PBT perlu mencari punca-punca hasil lain yang lebih kukuh dari sektor hartanah. Pasaran harta boleh jatuh dan jumlah harta akan mencapai ke tahap maksima apabila saiz perbangunan bandar juga mencapai tahap maksima. Kesannya, sumber hasil tidak akan bertambah. Bagi memastikan keberkesanan perancangan pembangunan dan membantu merangka Belanjawan 2014, Majlis akan menggunakan Kaedah Nilai Cukai.



Nilai Cukai ialah satu kaedah yang digunakan untuk menyediakan maklumat asas ke atas prospek pembangunan sesuatu kawasan dan juga angka indikator kepada perancangan pembangunan yang lebih efisyen. Ia juga membantu proses perancangan belanjawan dengan lebih teliti serta saksama bagi sesebuah kawasan. Kaedah Nilai Cukai mula diimplementasikan di beberapa bandar besar seperti New York, Texas dan California. Secara amnya kajian awalan nilai cukai memberikan satu gambaran potensi dan prospek nilai cukai Majlis yang dijangka akan meningkat pada masa akan datang. Seiring itu, satu kajian semula kadar disyorkan selaras dengan peruntukan Seksyen 141 dan 144, Akta 171 bagi menunjukkan prospek nilai cukai sebenar. Rasional penilaian semula harta adalah bagi menangani kenaikan kos PBT sedangkan pemilik harta mendapat faedah atas kenaikan nilai hartanah kesan daripada perubahan masa dan pasaran.

3.3 KAWASAN PERDAGANGAN TERHAD

Bagi mencapai Bandar raya Petaling Jaya ke arah pembangunan mampan yang menyeluruh, Majlis sentiasa prihatin terhadap tanggungjawab ke atas penduduk dengan menitikberatkan keselesaan dan keselamatan yang terjamin. Kawasan perdagangan terhad ialah rumah sesebuah yang telah dikenal pasti dan dibenarkan untuk aktiviti perdagangan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 pada 13 Mac 2003 hanya meluluskan rumah sesebuah di 13 lokasi dan ianya telah ditambah kepada 17 lokasi pada tahun 2007. Permohonan tukar guna bangunan hanya dibenarkan di kediaman 1 tingkat sedia ada sahaja dan Jabatan Perancangan Pembangunan akan menentukan rekabentuk dan ketinggian bangunan supaya harmoni dengan kawasan sekitar. Hanya aktiviti perdagangan seperti berikut yang dibenarkan iaitu:

- i. Balai seni lukis.
- ii. Dewan pameran kecuali kereta.
- iii. Rumah warga emas.
- iv. Agensi perkapalan, berita, pelancongan, iklan, serata dan pemasaran sahaja.
- v. Pejabat pengurusan yang berkaitan aktiviti NGO.
- vi. Agen hartaanah.
- vii. Perkhidmatan perundangan.
- ix. Perkhidmatan memproses data.
- x. Perkhidmatan pakarunding perancangan, kejuruteraan, senibina, hiasan dalaman dan lain-lain yang berjenis teknikal.

Seiring dengan usaha untuk mempromosikan konsep pembangunan berdayahuni (*Livable City*) di Petaling Jaya, Majlis akan menggunakan pendekatan ‘*smart sustainable*.’ Perancangan pembangunan akan berteraskan *soft power* di mana *lifestyle* (*Smart Lifestyle*) sesuatu komuniti akan ditetapkan terlebih dahulu diikuti dengan perancangan ruang (*Smart Spaces*) dan seterusnya pembangunan infrastruktur (*Smart Infrastructure*). Komponen-komponen utama perancangan bandar pada masa hadapan hendaklah berteraskan kepada aspek pembangunan komuniti, keselamatan (security), kesihatan (health care), tenaga (energy), mobiliti, kewangan, pengurusan aset dan *community support* (*club service*). Pelaksanaan konsep pembangunan Bandar raya *smart sustainable* (*Petaling Jaya Smart Sustainable City*) akan menyebabkan penduduk gembira tinggal di Bandar raya Petaling Jaya di samping mengurangkan penggunaan sumber semulajadi seperti udara, air, tanah dan cahaya matahari serta pembebasan gas karbon dioksida.

3.5 DENDA PELAN KELULUSAN BANGUNAN

Majlis memandang serius terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pemilik premis yang telah memulakan kerja-kerja pembinaan sebelum pelan bangunan diluluskan. Pemilik bangunan perlu mengemukakan pelan bangunan yang mematuhi semua keperluan *Building by Law* bagi setiap penambahan atau sambungan ke atas bangunan untuk kelulusan Majlis. Berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Seksyen 14, pemilik yang “tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada PBT orang itu hendaklah tatkala orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan pelan dan penentuan kepada PBT mengikut akta ini membayar kepada PBT sejumlah wang yang tidak boleh kurang daripada lima kali ganda tetapi tidak lebih daripada dua puluh kali ganda bayaran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dan jika sekiranya pelan dan penentuan dikemukakan tanpa bayaran itu, PBT hendaklah enggan menerimanya”.

Denda tersebut berdasarkan kiraan *proses fi* untuk pelan bangunan itu yang perlu dibayar oleh orang utama iaitu *principal submitting person* (arkitek, jurutera atau pelukis pelan berdaftar). Majlis mengamalkan denda maksimum dua puluh kali ganda bagi setiap kesalahan. Pada tahun ini, Majlis telah mengutip Denda Pelan Kelulusan Bangunan sebanyak RM679 966.20 sehingga bulan Julai yang telah melebihi anggaran hasil iaitu RM500 000. Pada tahun 2012 pula Majlis telah mengutip denda sebanyak RM531 448.80.

Majlis sangat berharap pemilik premis mematuhi undang-undang sedia ada demi kebaikan semua pihak yang berkaitan.

3.6 **BUDAYA MENYELENGGARA**

Majlis komited untuk menyediakan perkhidmatan terbaik khususnya kepada penduduk Petaling Jaya. Fokus Majlis bukan sahaja kemampuan untuk menyediakan infrastruktur tetapi juga melakukan penyelenggaraan dan pembaikan secara berkala. Budaya menyelenggara penting untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku seperti kecederaan dan kemalangan semasa menggunakan infrastruktur yang disediakan oleh Majlis. Kesedaran moral perlu dipupuk kepada penduduk untuk menjaga dan mengekalkan infrastruktur sedia ada supaya sikap Budaya Menyelenggara dapat ditanam dalam diri.

Infrastruktur seperti jalanraya, saliran dan tempat riadah hendaklah diselenggara secara berkala dan konsisten supaya penggunaannya lebih tahan lama. Dengan itu, Majlis juga tidak perlu menanggung kos yang lebih tinggi dengan membeli atau menukar infrastruktur yang memerlukan pembaikan. Majlis juga akan memastikan pihak kontraktor yang diberi tugas menyelenggara infrastruktur di Petaling Jaya menjalankan tugas dengan beretika, berkualiti tinggi, dan sempurna. Tahun ini, Majlis memperuntukkan sebanyak RM12.48 juta meliputi kos membaru muka jalan, menampal lubang, memasang bendul dan juga perabot jalan.

Peruntukan MARRIS pula yang telah diluluskan untuk peringkat pertama ialah sebanyak RM12 juta. Jumlah ini melibatkan 64 projek untuk kerja-kerja menurap dan menyelenggara longkang. Peruntukan tambahan sebanyak RM11.5 juta dalam proses permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja yang terlibat bagi peringkat kedua pula. Senarai projek tersebut telah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri pada tempoh hari.

Majlis juga memperuntukkan sebanyak RM10.8 juta bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan, dewan-dewan, kompleks sukan dan stadium. Bagi pemasangan, penyelenggaraan dan pembaikan lampu jalan, lampu taman, lampu isyarat, lampu hiasan dan lain-lain kerja berkaitan pula sebanyak RM10.03 juta diperuntukkan oleh Majlis. Budaya menyelenggara bertujuan mengekalkan keselamatan dan keselesaan infrastruktur dan kemudahan awam khususnya kepada warga Petaling Jaya. Majlis juga akan dapat mencapai matlamat meyediakan kemudahan dan persekitaran indah yang lengkap, bersih serta selesa untuk didiami.

3.7 KEMUDAHAN MESRA ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Berdasarkan Dokumen Ramalan Penduduk 2010-2040, Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan bahawa jumlah populasi Malaysia akan mencatat 38,557,800 orang pada tahun 2040 berbanding dengan 28,588,600 orang pada tahun 2010, iaitu satu peningkatan hampir 26%. Yang menarik adalah dijangka bahawa menjelang tahun 2021, negara kita akan menjadi satu negara yang matang di mana penduduk berumur 65 tahun ke atas akan meliputi 11.4% daripada jumlah populasi. Scenario ini berlaku kerana kadar pertumbuhan akan menurun daripada 1.8% setahun pada 2010 kepada 0.6% pada tahun 2040 dan juga hayat hidup penduduk adalah lebih berpanjangan.

Dalam erti kata lain, kumpulan produktif dan guna tenaga akan menanggung kos kehidupan yang lebih tinggi bagi kumpulan warga kanan. Di samping itu, permintaan ke atas keperluan kemudahan infrastruktur dan awam yang bersesuaian dengan golongan ini akan meningkat. Ini seterusnya akan memaksa PBT untuk melihat kembali model dan mekanisma penyediaan kemudahan dan juga perkhidmatan. Sebagai contoh, kemudahan mesra OKU tidak semestinya untuk golongan tersebut semata-mata namun akan menjadi universal untuk semua segmen masyarakat. Pelaksanaan Bandar Bebas Halangan ialah penyediaan perkhidmatan dan kemudahan secara bersepadu yang mencukupi serta mudah sampai kepada komuniti. Hingga kini, Majlis telah menyediakan kemudahan seperti tempat letak kereta, kad rawatan dan van transit percuma serta Program Pembasmian Kemiskinan Bandar khas kepada warga OKU.

Sebagai perancang dan pengurus bandar, Majlis sentiasa peka ke atas aliran demografi ini supaya perubahan yang dijangka berlaku pada masa depan telah diambil kira dan disediakan kemudahan dan infrastruktur yang bersesuaian. Aspek kemudah-sampaian, *connectivity*, rangkaian dan jaringan, mampu-milik dan guna pakai hendaklah menjadi pertimbangan asas dalam setiap kelulusan pembangunan.

3.8 MEMPERLUASKAN PERKHIDMATAN BAS KOMUNITI MBPJ

Masalah kesesakan lalulintas merupakan isu strategik Bandar raya Petaling Jaya yang perlu ditandatangani secara menyeluruh dan efektif. Hampir kesemua jalan utama termasuk lebuh raya mengalami kesesakan. Dari segi pengangkutan awam berasaskan rel, buat masa ini hanya sebahagian kecil kawasan Bandar raya Petaling Jaya diliputi oleh perkhidmatan LRT dan komuter. Penggunaan pengangkutan awam ini pula terhad disebabkan oleh masalah kekurangan tempat letak kereta dan perkhidmatan suaan (feeder service yang tidak efisyen). Ke arah meningkatkan tahap penggunaan pengangkutan awam, Majlis akan menambah baik dan meningkatkan perkhidmatan bas komuniti sebagai perkhidmatan suaan (feeder service) dengan mengambil penumpang dari stesen-stesen transit ke kawasan bandar atau pusat perkhidmatan. Dicadangkan 2 buah bas baru disediakan dengan kapasiti 23 orang penumpang seperti bas komuniti sedia ada bagi perkhidmatan suaan tersebut.

3.9 PENYERAHAN BASIKAL PROGRAM PKKPJ, RONDAAN BERSAMA PDRM DAN PELUPUSAN BARANG SITAAN

Keprihatinan Majlis dalam aspek keselamatan kejiranan penduduk dan keberkesanan program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) ini, Majlis telah memberikan insentif tambahan yang merupakan 2 buah basikal kepada 55 Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga yang memohon pada tahun 2012, menghantar laporan dan membuat permohonan semula tahun 2013. Tujuan pemberian tambahan 2 buah basikal ini adalah sebagai tanda sokongan Majlis di dalam aktiviti pencegahan jenayah seterusnya mengalakkan lagi Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga untuk memohon insentif keselamatan kejiranan serta meningkatkan jumlah anggota sukarelawan rondaan keselamatan dikalangan masyarakat setempat selain mempromosikan program PKKPJ kepada penduduk. Dengan pemberian 2 buah basikal ini diharap dapat membantu mengurangkan beban RA/RT di dalam membanteras dan mencegah jenayah di kawasan kejiranan. Majlis sebagai pihak PBT akan sentiasa memberikan bantuan dan khidmat nasihat sebaiknya bagi membantu pihak RA/RT dan masyarakat Petaling Jaya khususnya.

Majlis telah melaksanakan rondaan keselamatan bersama pihak Ibu pejabat Polis Petaling Jaya bermula pada 30 Julai 2013. Rondaan keselamatan ini dibahagikan kepada dua kumpulan, secara kekerapan dua kali seminggu. Bagi memperkasakan program ini, berkuatkuasa 1 September 2013 kekerapan rondaan ditingkatkan kepada 4 pasukan setiap minggu melibatkan kawasan komersil, perumahan dan kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi. Majlis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana bekerjasama dengan Majlis di dalam merealisasikan program yang dirancang.

Operasi bersepadu giat dilaksanakan secara berterusan untuk mengekang pemilik premis menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen dan melanggar syarat lesen yang telah ditetapkan. Operasi tersebut juga mendapat kerjasama daripada PDRM, Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Agama Islam Selangor dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan. Tujuannya ialah bagi memantau dan melakukan pemeriksaan di setiap premis-premis perniagaan supaya mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

Berdasarkan statistik bagi tahun 2013, sebanyak 1159 operasi bersepadu telah dijalankan yang melibatkan pusat siber dan kafe siber, pusat snuker, rumah urut dan pusat hiburan. Daripada jumlah tersebut, jumlah kompaun yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 84 dan tindakan sitaan sebanyak 568 kali. Pelupusan barang sitaan tersebut akan kita laksanakan selepas selesai mesyuarat penuh hari ini.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara yang ke- 56 pada 31 Ogos ini, Majlis ingin mengucapkan Selamat Hari Kemerdekaan dan berharap warga Petaling Jaya iaitu penduduk, peniaga, pemilik premis perniagaan bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman dan premis masing-masing sebagai tanda kecintaan kita kepada negara kita, Malaysia.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 7 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)

- 4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 7 Tahun 2013 bertarikh 30 Julai 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.

SULIT**5.0 LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-****5.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 7 TAHUN 2013
BERTARIKH 30 JULAI 2013 (PENGGAL 2012/2013)**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
6.2.2	CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 24 JULAI 2013. <ul style="list-style-type: none"> - Encik Khairul memohon agar syarat tambahan kebenaran merancang dicatitkan di dalam minit. 	Syarat tambahan Kebenaran Merancang seperti berikut "Pemaju diminta membina laluan pejalan kaki di sekeliling Depoh LRT mengikut spesifikasi Jabatan Kejuruteraan" tercatat dalam Perkara 3, m/s 12/64 Minit Mesyuarat JK OSC Bil 17/2013 bertarikh 5 Ogos 2013.
7.11	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN NORLIANA BINTI MOHAMAD <ul style="list-style-type: none"> - Isu parking bangunan di SS 7. 	Mesyuarat bagi membincangkan isu caj tempat letak kereta telah diadakan pada 6 Ogos 2013 (Selasa). Berikut adalah keputusan telah dicapai iaitu:- Pemaju bersetuju mengekalkan caj lama (RM147.00 sebulan - reserved parking) sehingga 31 Oktober 2013 dengan syarat JMB memberikan kebenaran kepada pengusaha tempat letak kereta untuk memasang meter baru di "boom gate". Kadar baru iaitu RM250.00 sebulan bagi 'reserved parking' akan berkuatkuasa bermula daripada 1 November 2013.



SULIT**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS****6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 31 JULAI 2013, 5 OGOS 2013 DAN 19 OGOS 2013.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (82)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (84)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (86)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.1.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi turut berharap agar Mesyuarat Jawatankuasa OSC dibuat empat (4) kali sebulan.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 5 OGOS 2013.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (27)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dan mengambil maklum bahawa perkara 7.1 iaitu Penyediaan Tempat Buang Sampah Yang Dijaga adalah dibangkitkan oleh Encik Jeyaseelen a/l T Anthony.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Lanskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ.

6.2.2 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud membangkitkan perkara 4.1 iaitu status perbelanjaan menyelenggara kawasan lanskap seperti berikut:-

- a) Beliau berharap agar Jabatan Lanskap dan Kehijauan Bandar memohon peruntukan bajet bagi penyelenggaraan pokok adalah mencukupi. Beliau berharap agar kes tahun ini tidak berulang di mana Jabatan Lanskap menyerahkan kerja penyelenggaraan kepada Pasukan Pantas memandangkan bajet penyelenggaraan pokok tidak mencukupi.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Lanskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ.



6.3

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER
BERTARIKH 16 OGOS 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (121)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.4

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN BERTARIKH 19 OGOS 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (70)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.4.2 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud tidak bersetuju dengan keputusan bagi perkara 3.0 para 7.1 iaitu menyenarai hitam Syarikat Trueventus dan tidak memproses tuntutan bayaran sebanyak RM13,217.60.

YBhg. Datin Paduka Pengurus menjelaskan tindakan diambil ke atas syarikat tersebut disebabkan syarikat tersebut membuat pertukaran tempat secara 'last minute' dan kursus yang dianjurkan tidak sebagaimana spesifikasi yang dipohon.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

6.5

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 20 OGOS 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD 2 (15)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.

6.5.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis iaitu:-

- a) Bagi muka surat 15 perkara 7.2, Encik Chan Chee Kong membangkitkan keadaan longkang yang kritikal di Petaling Jaya. Persoalan yang ditimbulkan oleh beliau ialah:-
 - i) Adakah pembersihan longkang dibuat mengikut jadual.
 - ii) Adakah bajet mencukupi untuk kerja-kerja tersebut dan apakah spesifikasi yang digunakan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah, Jabatan kejuruteraan, MBPJ.**

- b) Encik Terence Tan Teck Seng mencadangkan agar kerja-kerja pembersihan longkang dipantau oleh pengawas bertugas.
- c) Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin mencadangkan agar penyelenggaraan dan pembersihan longkang dapat dibuat secara bersepadu agar masalah kebersihan dan kerosakan longkang dapat diatasi dalam masa yang sama.
- d) Tuan Ir. Lee Suet Sen mencadangkan agar 'Task Force' longkang ditubuhkan dengan keanggotaan terdiri daripada Ahli Majlis dan jabatan-jabatan teknikal yang lain seperti Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutuan, Pengarah Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar. Beliau turut mencadangkan agar Encik Chan Chee Kong dilantik sebagai pengurus mesyuarat tersebut.
- e) Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan mencadangkan agar majlis menganjurkan seminar berkaitan longkang untuk memberi kesedaran kepada penduduk Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**



- 6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 20 OGOS 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (72)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT 21 OGOS 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (99)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Audit Dalam, MBPJ.

- 6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAH BERTARIKH 21 OGOS 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 (87)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

- 6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN, KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 22 OGOS 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (60)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

6.10

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 22 OGOS 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD 2 (110)]

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:-:-

Pembetulan Ayat

7.3 Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh En. Terence Tan Teck Seng

- a) Memohon untuk membina dinding konkrit/tembok di kawasan perkuburan Hindu di Damansara Jaya.
- b) Membaru muka permukaan jalan di sekeliling Dewan Serbaguna di Jalan SS 21/12 dan membaru muka permukaan gelanggang tenis di Damansara Utama dan sekitarnya.

Ayat yang tidak diminitkan

7.4 Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh En. Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin

- a) Memohon status isu pembinaan Jalan Tanjung samada telah selesai atau masih dalam rundingan.
- b) Memohon status pembaikan tebing runtuh di Jalan PJU 1A/20D Ara Damansara kerana didapati kerja-kerja pembaikan tebing runtuh tersebut terlalu perlahan dan hakisan semakin serius sehingga di bawah jambatan.
- c) Lampu jalan di jalan alternatif Vista Subang sehingga kini masih belum menyala.

6.10.2 Senarai kehadiran Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin tidak diminitkan.

6.10.3 YBhg. Datin Pengurus Mesyuarat memutuskan agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan menjelaskan perkara tersebut kepada Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

- 7.1.1 Beliau memaklumkan bahawa Petaling Jaya mengalami masalah kekurangan pengangkutan awam terutama bas rapid di mana jumlah bas rapid di Petaling Jaya adalah sebanyak 97 buah sahaja. Mengikut perbandingan dengan kepadatan penduduk Petaling Jaya, secara purata sebuah bas hanya dapat memuatkan seramai 3,000 orang penduduk sahaja.
- 7.1.2 Sehubungan dengan itu beliau mencadangkan agar majlis membeli tambahan 4 buah bas awam untuk kemudahan penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD ZAINUDDIN

- 7.2.1 Berdasarkan kepada ucapan YBhg. Datin Paduka Pengerusi iaitu dengan usaha untuk mempromosikan konsep pembangunan berdayahuni (*Livable City*) di Petaling Jaya, Majlis akan menggunakan pendekatan ‘*smart sustainable*.’ Iaitu sesuatu komuniti akan ditetapkan terlebih dahulu diikuti dengan perancangan reruang dan seterusnya pembangunan infrastruktur. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar nilai tax servis seimbang dengan pembangunan yang disediakan.

Tindakan : Semua Ketua Jabatan, MBPJ.

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

- 7.3.1 Beliau mencadangkan agar jabatan/bahagian hendaklah memfokuskan perkara-perkara berikut semasa penyediaan bajet 2014 iaitu:-

- i) Penyelenggaraan ‘back to basic’
- ii) Longkang dan sampah
- iii) Penyelenggaraan berjadual

- iv) Penyelenggaraan PPR walaupun tiada bayaran dikenakan akan tetapi penyelenggaraan tetap dibuat.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ,
Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

7.4.1 Beliau membangkitkan isu tempat letak kereta yang amat berkurangan di Petaling Jaya dan perkara ini tidak dibajetkan semasa penyediaan bajet 2013. Sehubungan dengan itu, beliau berharap semasa penyediaan bajet 2014 perkara-perkara berikut wajar diambil perhatian iaitu:-

- i) Kekurangan tempat letak kereta di Petaling Jaya.
- ii) Penyelenggaraan lampu jalan/lampu taman.
- iii) Pemasangan lampu di tempat letak kereta dan tempat-tempat sunyi seperti di Bangunan Rima College.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH

7.5.1 Beliau mencadangkan dua perkara iaitu:-

- i) Pendapatan cukai taksiran diagihkan bagi penyelenggaraan perkara-perkara yang penting untuk keselesaan penduduk Petaling Jaya.
- ii) Beliau berharap agar Unit Aduan Awam memberi maklumbalas kepada penduduk terhadap status aduan yang dikemukakan.

Tindakan : Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta benda, MBPJ,
Pengarah, Unit Aduan Awam, MBPJ.



**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN
A/L T. ANTHONY**

7.6.1 Beliau bertanyakan status baik pulih Stadium Hoki di Petaling Jaya.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kemasyarakatan, MBPJ. Pembangunan

7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZALAN

7.7.1 Beliau mencadangkan agar cadangan kerja-kerja penyelenggaraan di Zon Taman Medan oleh YB. Puan Haniza binti Mohamed Talha dimasukkan di dalam bajet 2014.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. PUAN YEO BEE YIN

7.8.1 Beliau memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:-

- i) peratusan pembersihan sampah dan longkang di Petaling Jaya hanya 90% sahaja.
- ii) Keadaan longkang di Petaling Jaya Utara adalah terlalu lama dan kerosakan longkang tidak dibaiki.
- iii) Memohon jabatan berkaitan menyediakan laporan pemantauan kontraktor sampah di seluruh kawasan Petaling jaya sebagaimana laporan yang telah disediakan di SS5.

7.8.2 Beliau turut mencadangkan agar Pasukan PANTAS mengambil tindakan segera ke atas aduan yang dibuat oleh penduduk.

7.8.3 Harapan agar Pengarah Aduan Awam mengemukakan nombor telefon pasukan PANTAS untuk dihubungi.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Unit Aduan Awam, MBPJ.**

7.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN HEE LOY SIAN

7.9.1 Beliau membangkitkan status Jalan PJS di Medan Baru (jalan tepi sekolah) dan bila jalan tersebut boleh beroperasi untuk kegunaan penduduk.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.9.2 Beliau memaklumkan bahawa di PJS 3 kumpulan gangster terlibat di dalam kegiatan pembuangan sampah dan penduduk di kawasan tersebut tidak berani memberi maklumat berkaitan perkara di atas. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar penguatkuasaan dan polis bekerjsama untuk membanteras perkara ini.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.**

7.9.3 Beliau turut membangkitkan isu Tasik Lombong yang berbau busuk di PJS 3. Isu ini masih belum selesai dan aktiviti pembuangan sampah masih berleluasa. Beliau berharap agar majlis memantau masalah ini.

Selain daripada itu, pandangan daripada Pengarah Unit Perundungan diperlukan bagi semakan status pemilikan tanah tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Unit Perundungan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.22 petang. YBhg. Datin Paduka Penggerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.

**(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Bertarikh : 11 September 2013



HADIR:

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ, | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Puasa bin Md Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ, | | |
| 03. | Encik Richard Yeoh Yong Woi,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 04. | Encik Chan Chee Kong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 05. | Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 06. | Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 07. | Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 08. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 09. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 10. | Encik Kandeah,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 11. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 12. | Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 13. | Puan Norliana binti Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 14. | Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |



15. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ,
16. Encik Azman bin Yusof,
Ahli Majlis, MBPJ,
17. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ,
18. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,
Ahli Majlis, MBPJ,
19. Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ,
20. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ,
21. Encik Chiang Chian Fu,
Ahli Majlis, MBPJ,
22. Encik Teh Chi-Chang,
Ahli Majlis, MBPJ,

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ,
02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ,
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ,
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ,
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ,



SULIT

07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ,
08. Encik Fadzley bin Jailani,
Wakil Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ,
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ,
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,
Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ,
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ,
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ,
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ,
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ,
16. Cik Norshabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ,
17. EnciK Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ,
18. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ,
19. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
20. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat), Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.



AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Y.B Tuan Hee Loy Sian,
Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan (PJS),
02. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (PJU),
03. Encik Ho Fook Chuah,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya,
04. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing,
05. Encik Venayagamurthy a/l Arumugam,
Wakil ADUN Seri Setia,
06. Y.B Puan Yeo Bee Yin,
ADUN Damansara Utama,
07. Puan Halimaton Sadiah binti Bohan,
ADUN Kota Damansara.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

